



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN ANTIGEN RAPID TESTING SEMASA FASA PERALIHAN DAN FASA ENDEMIK BAGI PELAN PEMULIHAN KEBANGSAAN COVID-19

1. Latar Belakang

- *Antigen Rapid Test (ART)* adalah ujian swab kendiri yang mudah dan pantas, bagi individu untuk menguji jika mereka dijangkiti virus COVID-19. Ia boleh dibeli di farmasi atau perniagaan-perniagaan lain pada harga yang berpatutan.
- Bermula dari fasa peralihan, pihak kerajaan akan melaksanakan penggunaan ART secara meluas sebagai salah satu rejim ujian bagi individu yang tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.

2. Kriteria Pengecualian

- Individu tidak dibenarkan melaksanakan ART secara kendiri jika:
 - Demam panas, batuk, selsema atau hidung berair.
 - Hidung berdarah dalam 24 jam kebelakangan.
 - Pembedahan hidung dalam 4 minggu kebelakangan.
 - Pembedahan muka dalam 8 minggu kebelakangan.
- Individu yang mempunyai penyakit pernafasan akut (*acute respiratory illness*) contoh, demam, batuk, hidung berair, sakit tekak hendaklah mendapatkan rawatan perubatan. Mereka mungkin akan diberikan Ujian PCR dan adalah dinasihatkan untuk membuat pengasingan diri sehingga mereka menerima keputusan ujian.

3. Bagi individu yang lengkap vaksinasi

- Kementerian Kesihatan menggalakkan untuk melakukan ujian kendiri ART bagi semua individu yang sudah lengkap di vaksinasi iaitu sekurang-kurangnya **SEKALI SETIAP DUA MINGGU**.
- Penjawat awam akan menjalani Ujian Rutin Berjadual (*Rostered Routine Testing - RRT*) menggunakan ART sebagai sebahagian dari strategi kembali ke pejabat. Kekerapan RRT tertakluk kepada profil risiko pekerjaan - barisan hadapan dan mereka yang berisiko tinggi akan menjalani RRT lebih kerap daripada yang berada di pejabat (*back-office employees*). Kos untuk perkara ini akan ditanggung oleh kerajaan.



- Organisasi-organisasi sektor swasta adalah disarankan untuk melaksanakan RRT sebagai sebahagian dari pelan kesinambungan perniagaan untuk melindungi pekerja mereka dan memastikan operasi perniagaan tidak terjejas dengan peningkatan kluster dalam operasi mereka.
- Pekerja yang berisiko tinggi seperti pengusaha makanan, pekerja runcit dan pekerja dalam sektor pembinaan, serta industri perkilangan hendaklah lebih kerap melaksanakan ART.
- Individu yang akan menghadiri perkumpulan persendirian atau acara-acara keramaian hendaklah melaksanakan ART sebelum menghadiri acara tersebut.

4. Bagi individu yang tidak di vaksinasi atau belum lengkap di vaksinasi

- Individu yang belum lengkap di vaksinasi adalah **TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMASUKI MANA-MANA PREMIS AWAM** semasa dalam fasa peralihan. Bagi fasa endemik, bukti ART mereka yang negatif dilaksanakan pada hari tersebut adalah dibenarkan sebagai ganti status vaksinasi. Mereka juga tidak dibenarkan untuk menghadiri perkumpulan persendirian.
- Bukti ART yang negatif hendaklah dalam bentuk ART yang dijalankan di bawah pemerhatian oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau pemilik kedai atau dalam bentuk sijil yang dikeluarkan oleh ART diawasi yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan. Sijil ini akan dikeluarkan dengan tempoh sah, yang tamat dalam satu hari.

5. Jika menerima keputusan positif pada ART

- Jika awda menerima keputusan positif pada ART, ini mungkin bermakna awda berpotensi dijangkiti COVID-19. Awda harus mengasingkan diri dan hadir ke pusat swab COVID-19 serta dapatkan ujian pengesahan. Awda perlu meneruskan pengasingan sehingga awda menerima pengesahan keputusan ujian awda.

-END OF DOCUMENT-

Nota:

Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, apabila bersama-sama dengan orang dewasa yang lengkap di vaksinasi akan diberikan pengecualian yang sama yang dikenakan kepada individu yang divaksin sepenuhnya **semasa fasa endemik sahaja**.